

IMPAK PENGGUNAAN TIKTOK DALAM MEMBERI KESEDARAN KEPADA MASYARAKAT

Amnani bt Azman¹
Nur Liyana bt Ishak²
Nur Fatimah bt Aduan³
Syed Najihuddin Bin Syed Hassan⁴

¹Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: azfani@raudah.usim.edu.my)

²Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(Email: yanaishak@raudah.usim.edu.my)

³Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: fatinah28@raudah.usim.edu.my)

⁴Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: syednajihuddin@usim.edu.my)

ABSTRAK

Penggunaan media sosial dalam aktiviti harian sangat popular di era moden ini. Antara aplikasi yang kerap digunakan adalah TikTok, iaitu aplikasi yang memudahkan masyarakat dalam mengedit video berdurasi pendek serta mempunyai elemen yang menarik. TikTok merupakan aplikasi yang dapat dimanfaatkan oleh masyarakat untuk menyebarkan berita, kisah pendek dan secara tidak langsung turut berperanan sebagai platform untuk menyebarkan kesedaran kepada masyarakat. Namun begitu, penggunaan TikTok ini juga mendapat banyak tomatan dan kritikan apabila penggunaannya yang melampaui batas dan secara berlebihan sehingga menjejaskan masyarakat terutamanya. Justeru, kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti impak penggunaan TikTok sebagai platform yang sangat berkesan dalam memberi kesedaran kepada masyarakat kita. Kajian ini berdasarkan kaedah gabungan iaitu kuantitatif dan kualitatif yang memaparkan beberapa impak penggunaan TikTok dalam memberi kesedaran kepada masyarakat. Kajian ini melibatkan kaedah soal selidik yang menggunakan pendekatan kuantitatif dimana soal selidik dijalankan melalui google form. Data dan maklumat yang diperoleh membantu pengkaji dalam menganalisis kumpulan responden yang telah dikenal pasti. Pada masa yang sama, kaedah kualitatif turut digunakan untuk melakukan tinjauan dan pemerhatian terhadap kajian yang dijalankan bagi mendapatkan data yang diperlukan. Dapatan seterusnya mengemukakan kesan penggunaan TikTok ini dalam memberi kesedaran kepada masyarakat. Hal ini demikian kerana, masyarakat lebih cakna serta memberikan perhatian yang lebih terhadap sesuatu isu yang disampaikan melalui TikTok. Hasil kajian ini menyimpulkan bahawa penggunaan aplikasi TikTok dapat mempengaruhi kehidupan masyarakat kerana mesej yang disampaikan melalui video pendek dan padat di TikTok sangat memberi kesan kepada pembaca dan pengguna aplikasi TikTok.

Kata Kunci: Impak, TikTok, Memberi kesedaran.

Pendahuluan

Teknologi maklumat dan komunikasi pada zaman kini telah membawa dunia kearah kemajuan sekaligus meningkatkan taraf hidup manusia. Masyarakat kini, sering menggunakan internet mahupun media sosial untuk mendapatkan maklumat dan berhubung antara satu sama lain. Informasi kini mudah didapati dihujung jari melalui gajet yang dimiliki oleh setiap individu. Hal ini demikian kerana penggunaan gajet pada masa kini adalah menjadi satu kepentingan dan bukannya satu keperluan semata-mata. Jika dibandingkan dengan kemudahan sebelum ini seperti radio dan televisyen, media massa konvensional agak sukar untuk penggunaanya mengetahui isu semasa secara pantas dan perlu mengikuti masa yang dirancang oleh siaran media massa tersebut jika ingin mengetahui berita yang dikehendaki. Kini, dengan adanya juga telefon bimbit, mudah bagi pengguna yang ingin mengetahui berita dalam masa yang singkat (Frank Wilkins, Luqman Hakeem; Batumalai, Pragathesh; Jasmi, Kamarul Azmi (2019).

Dengan berkembangnya penggunaan gajet secara meluas di seluruh dunia, penggunaan aplikasi media sosial turut meraih populariti yang pesat di kalangan Masyarakat. Menurut Kemp (2023), jumlah pengguna internet Malaysia telah mencapai 33.03 juta pada tahun 2023, atau kira-kira 96.8% daripada populasi negara. Sementara itu, pada Januari 2023, Malaysia mempunyai 26.80 juta pengguna media sosial, yang merupakan kira-kira 78.5% daripada populasi negara yang aktif dalam platform tersebut. Fenomena ini mencerminkan perubahan gaya hidup global yang semakin bergantung pada teknologi, iaitu penglibatan masyarakat lebih aktif dalam ruang maya untuk berkomunikasi, berkongsi maklumat, dan membina hubungan sosial. Menurut Mashitah, Nazir, Anita & Suhailiza (2022) Penglibatan penggunaan media sosial terdapat dalam pelbagai bentuk. Media sosial digunakan sebagai platform untuk berinteraksi melalui alam maya dan dalam talian sosial. Antara jaringan sosial yang popular dalam kalangan masyarakat Malaysia ialah Whatsapp, Instagram, Myspace, Facebook, Twitter dan seumpamanya.

Tetapi, tidak dinafikan aplikasi Tiktok adalah aplikasi yang melonjak naik penggunaannya pada masa kini disebabkan oleh ciri-ciri yang mesra pengguna dan menarik perhatian pengguna. Statista (2023) melaporkan, pada bulan Jun 2023 kira-kira 55.3% daripada pengguna media sosial Tiktok adalah lelaki dan kira-kira 44.7% daripadanya adalah Wanita. Ini berlaku kerana dengan aplikasi Tiktok, semua lapisan masyarakat, tanpa mengira usia, memiliki kemampuan untuk menghasilkan, menyunting, dan menonton video pendek dengan pelbagai kesan audio-visual pada bila-bila masa, selagi memiliki akses internet. Menurut Anderson (2020), fenomena ini memberikan kebebasan kepada mereka untuk mencipta konten sendiri sebagai sebahagian daripada masyarakat digital semasa. Namun begitu, Aplikasi Tiktok tidak hanya merubah cara masyarakat berinteraksi dalam dunia maya melalui kreativiti yang unik, tetapi ia juga mempunyai kesan yang ketara terhadap pelbagai aspek kehidupan harian seperti kesihatan, pendidikan, dan lain-lain dalam era digital ini. Oleh itu, kertas kerja ini akan membincangkan kesan ini untuk menunjukkan betapa Tiktok mampu memberikan kesedaran kepada masyarakat Malaysia.

Tinjauan Literatur

Terdapat tiga perkara yang akan dibincangkan di dalam kajian literatur. Antaranya ialah tentang kelebihan media sosial, aplikasi tiktok memberi kesedaran dan yang terakhir ialah impak aplikasi tiktok kepada masyarakat.

Kelebihan Media Sosial

Pertama, terdapat sebuah kajian yang bertajuk “Penggunaan Media Sosial Sebagai Medium Dakwah Islam Dalam Kalangan Penduduk Kampung Berserah, Kuantan, Pahang” yang ditulis oleh Mokhtarishah & Hasmadi (2021). Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti sikap dan persepsi masyarakat tempatan terhadap media sosial sebagai kaedah dakwah. Selain itu, kajian ini juga ingin menentukan tahap kualiti dakwah melalui media sosial di kalangan penduduk tempatan. Kaedah penyelidikan melibatkan satu set soal selidik diedarkan kepada 100 responden terdiri daripada penduduk Kampung Berserah, Kuantan. Hasil kajian dijangkakan dapat menyumbang kepada mengenalpasti penggunaan media sosial sebagai medium dakwah Islam dan untuk lebih meningkatkan kandungan dan kualiti mesej dakwah agar dapat disesuaikan dalam kehidupan seharian.

Kedua, Xu.H (2016) telah menjalankan satu kajian yang bertajuk "Benefits and Concerns of Using Social Media: Users' Perspective". Kajian ini dilaksanakan adalah untuk menyiasat manfaat dan keprihatinan penggunaan media sosial untuk tujuan peribadi dan perniagaan. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk kuantitatif dimana data telah dikumpul dari individu yang menggunakan media sosial untuk mengenal pasti manfaat dan keprihatinan mereka. Hasil kajian menunjukkan bahawa manfaat yang paling penting dari penggunaan media sosial adalah untuk meningkatkan komunikasi bersama orang lain dan kebanyakan orang juga percaya media sosial boleh menjadi alat pemasaran yang baik sekaligus dapat membantu berkolaborasi dengan orang lain. Kajian ini memberikan pandangan mengenai manfaat dan keprihatinan penggunaan media sosial dan boleh membantu pengguna memahami lebih baik apa yang penting untuk pengguna dan menjadi lebih peka terhadap isu tertentu.

Ketiga, terdapat kajian yang bertajuk “Kewujudan Media Sosial Memberikan Implikasi Positif dan Negatif Terhadap Interaksi Sosial dalam Kalangan Masyarakat” yang telah ditulis oleh Ryan.S.T (n.d). Penyelidikan bertujuan untuk mengkaji peranan media sosial terhadap individu yang secara aktif menggunakan media sosial sebagai cara interaksi. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Oleh itu, hasil kajian menunjukkan pelbagai tujuan menggunakan media sosial untuk mencapai kepuasan, seperti mengelakkan kesunyian, mencari hiburan dan maklumat, memperkuat hubungan, dan permainan dalam talian. Selain itu, kajian ini mendedahkan implikasi positif terhadap komunikasi dalam pembangunan kemahiran interaksi dan memudahkan perkongsian maklumat yang cepat dan mudah, serta kesan negatif yang telah menyebabkan kerosakan kepada pengguna yang salah menggunakan media sosial.

Keempat, sebuah kajian yang bertajuk “Media Sosial dan Dampak Positif Menurut Islam” telah ditulis oleh Frank Wilkins, Luqman Hakeem; Batumalai, Pragathesh; Jasmi, Kamarul Azmi (2019). Kajian ini dijalankan untuk memantau peranan media sosial terhadap masyarakat yang sedang bergiat dalam menggunakan media sosial sebagai bahan berinteraksi dan komunikasi dalam seharian. Kaedah yang digunakan oleh penulis ialah berbentuk kualitatif dimana data dan maklumat diambil dari sumber-sumber *online* dan dianalisis. Hasil kajian ini mendapati bahawa tujuan mereka menggunakan media sosial dalam bahagian interaksi untuk mengelakkan rasa kesunyian, mengeratkan hubungan antara sesama mereka, dan mencari hiburan dalam talian. Selain itu, terdapat implikasi yang baik dalam penggunaan media sosial terhadap masyarakat menurut Islam dan juga implikasi negatif yang mungkin membawa padah terhadap masyarakat kita pada masa kini.

Seterusnya, Anita, Farah & Sakinah (2021) telah menghasilkan sebuah artikel yang bertajuk “Penggunaan Media Sosial dan Kesejahteraan Penggunaan Menurut Islam”. Tujuan penyelidikan ini adalah untuk menganalisis penggunaan media sosial dan impaknya terhadap kesejahteraan pengguna menurut Islam dimana terdapat kesan positif dan negatif media sosial terhadap nilai-nilai sosial, moral, rohaniah, dan etika pengguna, terutamanya umat Islam. Kaedah yang digunakan adalah berbentuk kualitatif. Kesimpulan yang diperolehi dari penyelidikan ini ialah media sosial sangat memberi manfaat kepada masyarakat dimana ianya dapat dijadikan sebagai pelbagai platform yang memudahkan urusan dari segi pelbagai aspek. Oleh itu, penulis menyarankan kepada pengguna media sosial supaya dapat menggunakan teknologi ini dengan bijak serta berlandaskan al-Quran dan Sunnah.

Aplikasi Tiktok Memberi Kesedaran

Menurut Fatin Saad, Syamimi Afifi Arifin, Nadhirah Abd Karim dan Najihuddin Hassan (2022) telah menulis sebuah artikel yang bertajuk “Keberkesanan Aplikasi Tiktok Dalam Menyampaikan Nilai Pengajaran Quran Dan Sunnah Dalam Kalangan Masyarakat”. Kajian ini adalah untuk mengkaji keberkesanan TikTok sebagai medium untuk menyampaikan nilai-nilai pengajaran Al-Quran dan Sunnah dalam masyarakat. Hasil kajian ini didapati perbincangan keberkesanan TikTok sebagai medium untuk menyampaikan nilai-nilai pengajaran Al-Quran dan Sunnah dalam masyarakat. Maklum balas responden (84%) adalah pengguna TikTok dan bersetuju bahawa TikTok sesuai untuk dakwah dan boleh memberikan impak positif kepada masyarakat. Kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Hasil kajian ini mendapati bahawa responden bersetuju bahawa TikTok mendedahkan mereka kepada nilai-nilai pengajaran Al-Quran dan Sunnah serta berkesan dalam menyampaikan dakwah.

Seterusnya, berdasarkan kajian lepas yang dilakukan oleh Rathy (2023) dalam artikelnya iaitu “A Systematic Review: The Influence of TikTok Contents and its Effects towards Mental Health among Youth in Malaysia”. Kajian ini dilakukan bertujuan untuk memenuhi kekurangan kajian mengenai kesan platform media sosial seperti TikTok terhadap kesihatan mental remaja Malaysia. Ini dicapai dengan melihat

maklumat dalam artikel ilmiah yang telah diterbitkan berkaitan dengan isu ini. Kaedah kajian yang digunakan adalah berbentuk kuantitatif dengan menumpukan kepada pengumpulan dan analisis data yang telah dikenal pasti. Hasil kajian mendapati bahawa antara tahun 2018 hingga 2022, terdapat 121 kajian yang ditemui di Google Scholar tentang "TikTok", "remaja", "Malaysia", "kesihatan mental", "pelajar", dan "Selangor." Terdapat peningkatan besar sebanyak 90% pada tahun 2020 dan 74% pada tahun 2021, menunjukkan pertambahan yang ketara dalam kajian. Kesimpulannya, perbincangan dan perdebatan tentang topik ini terus berlanjutan, menunjukkan minat dan relevansinya yang terus berkembang.

Di samping itu, terdapat juga kajian tentang “Pengaruh Penggunaan Aplikasi TikTok Terhadap Perilaku Mahasiswa di Universitas” yang telah ditulis oleh Iqbal Nur Muhtar, Yusuf B. & Abdul Rahman (2023). Tujuan kajian ini adalah untuk mengetahui bagaimana pengaruh penggunaan Aplikasi TikTok di kalangan mahasiswa Universitas Negeri Makassar. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk kualitatif. Hasil penelitian menunjukkan bahawa kesan aplikasi TikTok terhadap mahasiswa sangat memberi impak besar iaitu perubahan sikap dalam berinteraksi sosial, perubahan cara berfikir dan hilangnya rasa malu di kalangan masyarakat. Walaupun begitu, tidak dinafikan aplikasi TikTok juga telah memberi kesan yang positif kepada penggunaannya. Antaranya ialah mahasiswa mudah untuk mendapatkan informasi berkaitan isu semasa dikalangan masyarakat. Selain itu, aplikasi ini juga dapat dijadikan hiburan di waktu lapang mahupun dapat dijadikan platform berinteraksi dengan individu dari jarak jauh.

Selain itu, menurut Fatin Farzana & Safinah (2023) telah menulis sebuah artikel yang bertajuk “Keberkesanan Aktiviti Dakwah Dalam Aplikasi Tiktok Terhadap Akhlak Mahasiswa”. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tentang penglibatan pelajar dengan aplikasi TikTok. Kajian telah menggunakan kaedah kuantitatif dimana satu survey telah disediakan kepada responden. Kajian ini menunjukkan bahawa TikTok boleh digunakan untuk tujuan dakwah seperti siaran langsung, video, dan lain-lain. Ini menemui keberkesanan dakwah dalam talian, khususnya aplikasi TikTok, terhadap moral pelajar dan perlu ditekankan oleh setiap pelajar. Penyelidik berharap bahawa penyelidik-penyelidik masa depan dapat mengkaji keberkesanan dakwah dalam aplikasi YouTube terhadap keluarga untuk mencapai objektif yang lebih besar dan temuan penyelidikan yang lebih meluas.

Akhir sekali, berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Rando-Cueto, De Las Heras Pedrosa, dan Rojano (2023) dalam artikelnya iaitu “Health Communication Strategies via TikTok for the Prevention of Eating Disorders”. Kajian ini dilakukan bertujuan untuk menilai keberkesanan mesej-mesej mengenai “eating disorder” (Gangguan pemakanan) yang disebarkan di TikTok, khususnya yang disampaikan oleh hospital antarabangsa. Kaedah kajian yang dilakukan adalah berbentuk campuran antara kualitatif dan kuantitatif yang melibatkan tinjauan literatur saintifik dan menggunakan alat analisis seperti Fanpage Karma dan Analisa.io untuk menganalisis akaun TikTok entiti hospital. Selain itu, dilakukan pilihan sampel yang terdiri daripada pelbagai individu di TikTok yang mengalami gangguan pemakanan atau dalam proses pemulihan, dan individu yang menganggap diri mereka sebagai penasihat yang sah

dalam hal ini, bersama dengan pengikut-pengikut mereka. Hasil kajian menunjukkan bahawa dalam TikTok, strategi yang digunakan oleh peserta untuk mempromosikan tabiat pemakanan tidak sihat sangat ketara. Begitu juga, jumlah kandungan yang menentang penyebaran gangguan pemakanan turut mencetuskan perhatian, dan hal ini memberikan kesan bertentangan terhadap penonton di Tik Tok.

Impak Aplikasi Tiktok Kepada Masyarakat

Menurut kajian lepas yang dilakukan oleh Ms. G K Swathi and Mr. Christopher Devakumar (2019) dalam artikelnya iaitu “A Study to Analyse the Impact Of Tiktok App on Students Academics And Psychology”. Kajian ini dilakukan bertujuan untuk menganalisis bagaimana aplikasi TikTok telah membawa perubahan dalam keadaan mental dan fizikal pelajar. Kaedah kajian yang dilakukan adalah berbentuk kuantitatif iaitu soal selidik yang tersusun telah dihasilkan dan data telah dikumpulkan. Untuk kajian tersebut, soal selidik yang tersusun telah disediakan berdasarkan objektif yang telah dinyatakan. Hasil kajian mendapati bahawa penggunaan media sosial seperti Facebook, WhatsApp, Instagram, TikTok, dan aplikasi lain mempunyai impak yang dapat memberi kesan baik dan buruk terhadap pencapaian akademik pelajar.

Selain itu, menurut kajian lepas yang dilakukan oleh Hamzah, Said, and Supriadi (2021) dalam artikelnya iaitu “Dynamic Analysis Study: Impact of Tiktok Applications on Character Education in Covid-19 Pandemic”. Kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengkaji dengan lebih mendalam, analisis kesan penggunaan aplikasi TikTok sebagai model pembelajaran inovatif dalam sektor seni dan budaya semasa Pandemik Covid-19. Kaedah kajian yang dilakukan adalah berbentuk kuantitatif, di mana pengumpulan data dilakukan menggunakan teknik soal selidik. Hasil kajian mendapati bahawa 62.1% daripada responden dengan tegas bersetuju aplikasi TikTok membantu menyesuaikan gerakan tarian tradisional, sementara 70.9% memberikan bantuan dalam mengingat koreografi gerakan. Selain itu, 68% membantu dalam mengenali tarian moden, dan 57.3% setuju bahawa penggunaan aplikasi ini memberikan pemahaman terhadap pembelajaran seni budaya.

Seterusnya, berdasarkan kajian lepas yang dilakukan oleh Rathy (2023) dalam artikelnya iaitu “A Systematic Review: The Influence of TikTok Contents and its Effects towards Mental Health among Youth in Malaysia”. Kajian ini dilakukan bertujuan untuk memenuhi kekurangan kajian mengenai kesan platform media sosial seperti TikTok terhadap kesihatan mental remaja Malaysia. Ini dicapai dengan melihat maklumat dalam artikel ilmiah yang telah diterbitkan berkaitan dengan isu ini. Kaedah kajian yang digunakan adalah berbentuk kuantitatif dengan menumpukan kepada pengumpulan dan analisis data yang telah dikenal pasti. Hasil kajian mendapati bahawa antara tahun 2018 hingga 2022, terdapat 121 kajian yang ditemui di Google Scholar tentang "TikTok", "remaja", "Malaysia", "kesihatan mental", "pelajar", dan "Selangor." Terdapat peningkatan besar sebanyak 90% pada tahun 2020 dan 74% pada tahun 2021, menunjukkan pertumbuhan yang ketara dalam kajian. Kesimpulannya, perbincangan dan perdebatan tentang topik ini terus berlanjutan, menunjukkan minat dan relevansinya yang terus berkembang.

Di samping itu, berdasarkan kajian yang bertajuk “Impak Penggunaan Aplikasi Tiktok Terhadap Gaya Hidup Pelajar UTHM Pagoh” telah dijalankan oleh Arwansyah & Arifki (2023). Kajian ini dijalankan untuk meninjau impak penggunaan aplikasi Tiktok terhadap gaya hidup pelajar di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Kampus Pagoh. Kajian yang dijalankan adalah berbentuk kuantitatif di mana sampel kajian terdiri daripada 107 orang pelajar UTHM Kampus Pagoh. Dapatan kajian dapat disimpulkan bahawa penggunaan aplikasi Tiktok sangat memberi impak kepada gaya hidup pelajar UTHM Kampus Pagoh seperti berlakunya pembaziran masa kerana menghabiskan masa dengan melayari kandungan video Tiktok dan stress kerana pelajar banyak terdedah kepada video dan gambar yang tidak bermoral, namun bagaimanapun didapati banyak juga impak positif yang diperolehi oleh pelajar seperti pengembangan bakat dan akses mudah untuk pembelajaran.

Akhir sekali, menurut kajian lepas yang dilakukan oleh Yunisah Epriani (2020) dalam aritikelnya iaitu “Dampak Penggunaan Aplikasi Tiktok Terhadap Perkembangan Akhlak Remaja Di Smp Negeri 4 Semende Darat Laut”. Kajian ini dilakukan bertujuan untuk menilai kesan penggunaan aplikasi Tiktok terhadap pembentukan nilai moral remaja, kajian dijalankan di SMP Negeri 4 Semende Darat Laut. Kaedah kajian yang dilakukan adalah berbentuk kualitatif, dan ia termasuk dalam kategori penyelidikan lapangan. Kaedah pengumpulan data dalam kajian ini melibatkan temu bual, pemerhatian, dan dokumentasi. Hasil kajian mendapati bahawa penggunaan aplikasi Tiktok memberikan kesan terhadap pembentukan nilai moral remaja di SMP Negeri 4 Semende Darat Laut, mempengaruhi mereka dengan impak positif dan negatif.

Defini Terma

Definisi Media Sosial

Media merupakan perantara komunikasi dalam hubungan sosial. Sosial, pada dasarnya, mencakup segala aspek yang terkait dengan masyarakat. Dalam konteks ini, media sosial merujuk kepada platform atau aplikasi dalam talian yang berasaskan internet. Platform ini, seperti WhatsApp, Instagram, Facebook, Twitter, dan sebagainya, memudahkan pengguna untuk berkongsi, berinteraksi, dan mencipta konten melalui jaringan sosial. Berdasarkan kajian Kaplan dan Haenlein (2010), media sosial memberikan akses kepada pengguna untuk mengakses aplikasi atau laman web, serta berinteraksi dengan rakan untuk bertukar informasi melalui media sosial.

Definisi TikTok

TikTok adalah platform media sosial yang membolehkan pengguna membuat "mikro-video" dengan durasi antara 15 saat hingga 10 minit, menggunakan elemen-elemen seperti muzik, filter, serta dan dapat memilih muzik latar, melakukan penyuntingan pergerakan, dan unsur lain untuk menarik perhatian penonton (Rando-Cueto, De Las Heras Pedrosa, & Rojano, 2023). Pelancaran Tiktok berlangsung pada September 2016, sebelumnya dikenal sebagai A.me. Setelah perubahan nama, Tiktok dipromosikan sepenuhnya pada suku kedua 2017, menjadikan Tiktok semakin popular

pada 2018 (Li, Yan, & Zhang, 2019). Di TikTok, setiap kali hanya satu video dipaparkan, dan pengguna perlu menggeser ke atas untuk menyaksikan video seterusnya. Video yang sedang ditonton akan terus diulang hingga pengguna menggeser ke atas atau menyentuh skrin untuk menghentikan. Apabila pengguna menggeser ke bawah, mereka akan kembali kepada video yang telah ditonton sebelumnya. Aliran video asal ialah "For You," yang dikendalikan oleh sistem pintar. Di bahagian atas skrin, pengguna boleh memilih untuk hanya melihat video dari pengguna yang mereka ikuti (Anderson, 2020).

Latar Belakang Kajian


Bab ini akan membahas hasil analisis dan temuan daripada kajian yang dilakukan menggunakan soal selidik. Soal selidik ini diedarkan kepada masyarakat umum, termasuk pelajar dari Universiti Sains Islam Malaysia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, dan Universiti Kebangsaan Malaysia. Selain itu, soal selidik juga dihantar kepada saudara-mara dan keluarga terdekat melalui platform WhatsApp dan Telegram. Kajian ini berfokus pada keberkesanan TikTok dalam menyampaikan kesedaran kepada masyarakat. Seramai 116 responden, terdiri daripada 26 lelaki dan 90 perempuan, telah menyumbang kepada hasil kajian ini.

Data kajian dianalisis menggunakan perisian Google Form, dan hasilnya dikemukakan dalam bentuk peratusan. Dapatan analisis dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu Bahagian A yang berkaitan dengan latar belakang responden, dan Bahagian B yang merangkumi analisis soal selidik. Analisis soal selidik bertujuan menjawab persoalan kajian dan memenuhi objektif kajian yang telah ditetapkan.

Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Berikut adalah hasil kajian melalui soal selidik yang telah diedarkan kepada masyarakat umum.


Jantina



Rajah 1: Jantina

Rajah 1 menunjukkan peratus responden mengikut jantina. Daripada graf, bilangan responden lelaki adalah 26 orang (22%) dan bilangan responden Perempuan adalah 90 orang (78%).


Umur



Rajah 2: Umur

Rajah 2 menunjukkan peratus responden mengikut umur. Daripada graf, bilangan responden yang berumur 18 hingga 22 tahun adalah 66 orang (58%). Manakala responden yang berumur 23 hingga 27 tahun adalah 34 orang (30%). Diikuti dengan responden yang lebih dari 27 tahun adalah seramai 14 orang (12%).

Kekerapan Penggunaan Aplikasi Tiktok




Rajah 3: Kekerapan Penggunaan Aplikasi Tiktok

Rajah 3 menunjukkan tahap kekerapan masyarakat menggunakan aplikasi TikTok dalam

seminggu. Seramai 85 (74%) orang kerap menggunakan aplikasi TikTok ini iaitu sebanyak 5 kali atau lebih. Kemudian, 13 (11%) orang responden menggunakan 3 hingga 4 kali dalam seminggu. Diikuti dengan 9 (8%) orang responden yang hanya menggunakan aplikasi TikTok sekali hingga dua kali sahaja seminggu. Adapun terdapat juga responden yang hanya menggunakannya kurang dari sekali dalam seminggu iaitu seramai 8 (7%) orang.


Jenis Kandungan Tiktok Yang Sering Ditonton



Rajah 4: Jenis Kandungan Tiktok Yang Sering Ditonton

Rajah 4 menunjukkan kekerapan jenis kandungan yang sering ditonton oleh responden. Berdasarkan graf, kandungan didalam aplikasi TikTok yang paling banyak ditonton adalah pengetahuan am dan isu semasa iaitu sebanyak 92 orang (26.82%) bersetuju dengan perkara ini. Seterusnya, komedi adalah kedua tertinggi kandungan yang sering ditonton iaitu seramai 89 orang (25.95%) telah bersetuju. Adapun, kesedaran sosial mendapat persetujuan 76 orang (22.16%). Diikuti dengan kandungan keagamaan sebanyak 3 orang (0.87%). Kandungan motivasi dan masakan mendapat jumlah yang sama iaitu 2 orang (0.58%). Akhir sekali, kandungan didalam aplikasi TikTok tentang pembelian barang, pekerjaan dan kandungan secara rawak hanya dipersetujui oleh seorang Sahaja (0.29%).


Sumber Lain Untuk Mendapatkan Maklumat



Rajah 5: Sumber Lain Untuk Mendapatkan Maklumat

Rajah 5 menunjukkan sumber lain yang digunakan oleh masyarakat untuk mendapatkan maklumat selain dari aplikasi TikTok. Berdasarkan graf, *Instagram* telah mendapat tempat paling tertinggi iaitu sebanyak 30 orang (28.57%) menggunakannya. Seterusnya diikuti dengan aplikasi *X* sebanyak 24 (22.86%). Adapun, *Facebook* mencatat sebanyak 17 (16.19%) penggunaan. Berikutnya ialah *Google* yang telah digunakan oleh 9 orang (8.57%). Diikuti dengan *Youtube*, seramai 8 orang (7.62%) telah menggunakannya. Disamping itu, penggunaan *whatsapp* juga dapat dijadikan sumber untuk mendapatkan maklumat dan disokong oleh 5 orang (4.76%). Adapun juga *Telegram* turut digunakan oleh 4 orang (3.81%). Dua sumber yang mempunyai bilangan yang sama ialah video ceramah pendek dan berita *online* dimana telah digunakan oleh dua orang (1.90%). Dan paling sedikit adalah sumber dari *Blog*, *Threads*, buku ilmiah dan artikel iaitu hanya seorang (0.95%) sahaja.


Aplikasi Tiktok Berperanan Sebagai Sumber Kesedaran Yang Memotivasikan Masyarakat Supaya Dapat Mengambil Tindakan Terhadap Beberapa Isu Tertentu



Rajah 6: Aplikasi Tiktok Berperanan Sebagai Sumber Kesedaran Yang Memotivasikan Masyarakat Supaya Dapat Mengambil Tindakan Terhadap Beberapa Isu Tertentu

Rajah 6 menunjukkan sejauh mana aplikasi tiktok memainkan peranan sebagai sumber kesedaran yang memotivasikan masyarakat supaya dapat mengambil tindakan terhadap beberapa isu tertentu. Berdasarkan graf, 25 orang (21.55%) sangat bersetuju dengan soalan tersebut dan 69 orang (59.48%) bersetuju manakala seramai 19 orang (16.38%) sederhana. Adapun 3 orang (2.59%) bagi kurang setuju dan sifar (0.00%) bagi tidak setuju.


Penyertaan dan Sokongan Masyarakat Terhadap Kempen Kesedaran Sosial Yang Bermula dari TikTok



Rajah 7: Penyertaan Dan Sokongan Masyarakat Terhadap Kempen Kesedaran Sosial Yang Bermula Dari TikTok

Rajah 7 menunjukkan penyertaan dan sokongan masyarakat terhadap kempen kesedaran sosial yang bermula dari TikTok. Seramai 56 orang (48.3%) telah bersetuju dengan soalan tersebut manakala seramai 60 orang (51.7%) mengatakan tidak dan sifar (0.00%) bagi tidak pasti.


Penggunaan Tiktok Meningkatkan Pengetahuan Tentang Isu dan Topik Tertentu



Rajah 8: Penggunaan Tiktok Meningkatkan Pengetahuan Tentang Isu dan Topik Tertentu

Rajah 8 menunjukkan sejauh mana penggunaan tiktok meningkatkan pengetahuan tentang isu dan topik tertentu. Berdasarkan graf, seramai 99 orang (85.3%) telah bersetuju dengan soalan tersebut manakala seramai 7 orang (6%) tidak bersetuju dan 10 orang (8.6%) mengatakan tidak pasti.


Tahap Dapatan Kesedaran Tentang Isu-Isu Sosial Melalui Tiktok



Rajah 9: Tahap Dapatan Kesedaran Tentang Isu-Isu Sosial Melalui Tiktok

Rajah 9 telah nyatakan tentang tahap dapatan kesedaran masyarakat tentang isu sosial melalui Tiktok. Seramai 34 orang (29.31%) sangat bersetuju dengan soalan tersebut dan 66 orang (56.90%) bersetuju manakala seramai 15 orang (12.93%) sederhana. Adapun seorang (0.86%) bagi kurang setuju dan sifar (0.00%) bagi tidak setuju.

Tahap Keberkesanan Dalam Menyampaikan Kesedaran di TikTok Berbanding Media Lain Pada Masa Kini



Rajah 10: Tahap Keberkesanan dalam Menyampaikan Kesedaran di Tiktok Berbanding Media Lain Pada Masa Kini

Rajah 10 di atas menunjukkan, tahap keberkesanan dalam menyampaikan kesedaran di TikTok berbanding media lain pada masa kini, seramai 84 orang (72.4%) telah bersetuju dengan soalan tersebut manakala seramai 11 orang (9.5%) tidak bersetuju dan 21 orang (18.1%) bagi tidak pasti.

Kesimpulan

Kesimpulan yang dapat diambil daripada kajian ini adalah tahap keberkesanan penggunaan aplikasi TikTok dalam menyebarkan kesedaran adalah tinggi dan baik. Hal ini demikian kerana, berdasarkan kaji soal selidik melalui aplikasi Google Form yang diedarkan kepada masyarakat umum ini, mendapati bahawa sebahagian besar responden bersetuju mereka kerap menggunakan TikTok dalam masa seminggu. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa penggunaan aplikasi TikTok dikalangan masyarakat kini berada pada tahap yang tinggi dan memberangsangkan. Ini kerana, melalui soal selidik ini juga, kita dapat mengetahui bahawa masyarakat lebih tertumpu menonton kandungan TikTok yang berunsurkan pengetahuan am dan isu semasa. Maka, secara tidak langsung tahap keberkesanan aplikasi TikTok sebagai medium penyebaran maklumat adalah tinggi dan terbukti di sini apabila responden memberikan maklum balas semasa soal selidik ini dijalankan. Lebih daripada separuh responden bersetuju bahawa Tiktok merupakan medium yang lebih efektif berbanding dengan aplikasi yang lain. Tambahan pula, sebahagian daripada jumlah responden menyokong dan mengikuti penyebaran kesedaran di Tiktok. Akan tetapi, terdapat sebahagian kecil responden yang tidak mengikuti dalam penyebaran kesedaran bersama di aplikasi ini. Oleh hal yang demikian, dapat disimpulkan bahawa aplikasi TikTok ini mempunyai potensi dan mampu memberikan kesedaran kepada masyarakat namun, perlu dipergiatkan lagi kesedaran ini supaya masyarakat lebih cakna dan peka. Diharapkan agar pihak-pihak yang berkaitan dapat menjalankan tugas mereka dengan sebaik mungkin agar masyarakat di negara kita terus

mendapat kesedaran melalui aplikasi TikTok ini dan tidak ketinggalan jauh dengan negara lain kerana TikTok pada masa kini lebih menjadi pilihan berbanding aplikasi lain.

Rujukan

- Anderson, K. E. (2020c). Getting acquainted with social networks and apps: it is time to talk about TikTok. *Library Hi Tech News*, 37(4), 7–12. <https://doi.org/10.1108/lhtn-01-2020-0001>
- Anita, Farah & Sakinah (2021). Penggunaan Media Sosial dan Kesejahteraan Penggunaan Menurut Islam. *E-Prosiding Seminar Antarabangsa Islam dan Sains 2021 “Wawasan Kemakmuran Bersama 2030”* pada Khamis, 9 September 2021 di Universiti Sains Islam Malaysia, USIM.
- Arwansyah Kirin & Arifki Budia Warman (2023). Impak Penggunaan Aplikasi Tiktok Terhadap Gaya Hidup Pelajar UTHM Pagoh. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(2), e002137. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i2.2137>
- Frank Wilkins, Luqman Hakeem; Batumalai, Pragathesh; Jasmi, Kamarul Azmi (2019). “Media Sosial dan Dampak Positif Menurut Islam”. *Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM’19)* pada 15 Disember 2019 di Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM.
- Hamzah, R. H. B., Said, M. Z. B., & Supriadi, U. (2021). Dynamic Analysis Study: Impact Of Tiktok Applications on Character Education In Covid-19 Pandemic. *Religio Education*, 1(2), 117–124. <https://doi.org/10.17509/re.v1i2.41347>
- Kaplan, A., & Haenlein, M. (2010). Users of the world, unite! The challenges and opportunities of social media. *Business Horizons*, 53(1), 59–68. <https://doi.org/10.1016/j.bushor.2009.09.003>
- Kemp, S. (2023, February 13). Digital 2023: Malaysia DataReportal Global Digital Insights. Retrieved from <https://datareportal.com/reports/digital-2023-malaysia?rq=Malaysia>
- Li, X., Yan, X., & Zhang, Z. (2019b). Research on the causes of the “Tik Tok” app becoming popular and the existing problems. *Journal of Advanced Management Science*, 59–63. <https://doi.org/10.18178/joams.7.2.59-63>
- Mashitah, Nazir, Anita & Suhailiza (2022). Pembangunan Media Sosial Baharu dan Impaknya Terhadap Dakwah Era Digital di Malaysia. *Seminar Antarabangsa Falsafah Tamadun, Etika Dan Turath Islami 2022*.
- Mokhtarishah & Hasmadi (2021). Penggunaan Media Sosial Sebagai Medium Dakwah Islam Dalam Kalangan Penduduk Kampung Berserah, Kuantan, Pahang. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*.

- Ms. G K Swathi, & Mr. Christopher Devakumar. (2019). A Study to Analyse The Impact Of Tiktok App On Students Academics And Psychology. *Journal of Emerging Technologies and Innovative Research (JETIR)*, Volume 7(Issue 3), 1039–1043.
- Rando-Cueto, D., De Las Heras Pedrosa, C., & Rojano, F. J. P. (2023). Health communication strategies via TikTok for the prevention of eating disorders. *Systems*, 11(6), 274. <https://doi.org/10.3390/systems11060274>
- Rathy, A. (2023). A Systematic Review: The Influence of TikTok Contents and its Effects towards Mental Health among Youth in Malaysia. *Journal of Media and Information Warfare*, Vol. 16((1)), 1–13.
- Ryan.S.T (n.d). Kewujudan media sosial memberikan implikasi positif dan negatif terhadap interaksi sosial dalam kalangan masyarakat. *Acedemia.edu*. Retrieved from https://www.academia.edu/35433996/Kewujudan_media_sosial_memberikan_implikasi_positif_dan_negatif_terhadap_interaksi_sosial_dalam_kalangan_masyarakat
- Statista. (2023, July 13). Share of TikTok users in Malaysia 2023, by gender. Retrieved from <https://www.statista.com/statistics/1379993/malaysia-share-of-tiktok-users-by-gender/#:~:text=As%20of%20June%202023%2C%20there,the%20social%20media's%20user%20base.>
- Xu, H. (2016)3. Benefits And Concerns of Using Social Media - Users' Perspective2. In *MWAIS 2016 Proceedings14. AIS Electronic Library (AISeL)*. Retrieved from [<http://aisel.aisnet.org/mwais2016/23>].
- Yunisah Epriani. (2020). Dampak Penggunaan Aplikasi Tiktok Terhadap Perkembangan Akhlak Remaja di Smp Negeri 4 Semende Darat Laut. *Jurusan Komunikasi Dan Penyiaran Islam*, 1–83.